

Cabaran Pelaksanaan Hisbah Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

BITARAVolume 1, Issue 4, 2018: 012-019
© The Author(s) 2018
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Challenges of Hisbah (Assessment) Implementation in Halal Management Division Selangor Islamic Religious Department (JAIS)]

Abdul Qahhar Ibrahim¹, Mohd Borhanuddin Zakaria¹, Roslan Ab Rahman¹ & Noorsafuan Che Noh¹

Abstrak

Hisbah merupakan salah satu unsur penting dalam pengurusan Islam, di mana iaanya berasaskan kepada kefahaman secara teori dan praktikal terhadap konsep amar makruf dan nahi mungkar. Pelaksanaan hisbah juga turut merangkumi pelbagai aspek dalam kehidupan khususnya dalam lapangan ekonomi, sosial dan politik. Bahagian Pengurusan Halal (BPH), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) merupakan salah satu bahagian yang penting dalam aspek pelaksanaan hisbah dari sudut Hal Ehwal Pengurusan Halal di negeri Selangor khususnya pada aspek pemantauan, pensijilan halal dan penguatkuasaan. Objektif penulisan ini adalah untuk melihat apakah cabaran yang terpaksa dihadapi oleh bahagian tersebut dalam melaksanakan hisbah dari aspek pengurusan halal di Selangor. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual dan kajian kepustakaan bagi memperolehi data kajian yang diingini. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa masalah atau cabaran yang terpaksa dihadapi oleh pihak BPH iaitu dari segi aspek bidang kuasa, sumber manusia, peralatan dan kenderaan, kepakaran serta kewangan. Justeru itu, kajian yang berterusan perlu sentiasa dijalankan bagi memperkemaskin lagi pengurusan halal, dan meneliti masalah serta cabaran yang terpaksa dihadapi dalam usaha melahirkan bentuk pengurusan halal yang berkualiti, efektif dan berdaya maju khususnya pada aspek pelaksanaan hisbah.

Kata Kunci

Hisbah, Halal, Bahagian Pengurusan Halal (BPH) dan cabaran

Abstract

Hisbah (Assessment) is one of the most essential aspects of Islamic governance focused on a theoretical and realistic interpretation of the principle of amar makruf nahi mungkar. The implementation of the hisbah (assessment) also covers various aspects of life, especially in the cultural, social and political spheres. The Halal Management Division (BPH), Selangor Islamic Religious Department (JAIS) is an important part of the implementation of hisbah (assessment) from the point of view of Halal Management in Selangor, especially in the areas of supervision, halal certification and compliance. The goal of this paper is to see what challenges the division has to face in implementing hisbah (assessment) in terms of halal management in Selangor. This study is a qualitative analysis that uses interview methods and library studies to collect the necessary research data. The results show that there are many problems or challenges BPH has to face in terms of

¹Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.

Corresponding Author:

Noorsafuan Che Noh, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.
E-mail: noorsafuancn@unisza.edu.my

capacity, human resources, equipment and vehicles, skills and finance. Ongoing studies must, therefore, be undertaken on an ongoing basis to streamline halal management and to analyze the problems and challenges that need to be addressed in the pursuit of quality, effectiveness and viability of halal management, especially in the field of hisbah (assessment) implementation.

Keywords

Hisbah, Halal, Halal Management Division (BPH) and challenges

Cite This Article:

Abdul Qahhar Ibrahim, Mohd Borhanuddin Zakaria, Roslan Ab Rahman & Noorsafuan Che Noh. 2018. Cabaran pelaksanaan hisbah Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(4): 012-019.

Pengenalan

Pengurusan Islam atau pengurusan hal ehwal Islam merupakan suatu bentuk pengurusan yang mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. ia juga merupakan warisan dari kumpulan generasi awal kedatangan Islam dan selepasnya , iaitu junjungan besar Nabi Muhammad SAW dijadikan rujukan atau ikutan utama, seterusnya para sahabat baginda SAW dan tamadun-tamadun Islam yang terbina selepas tiga kurun terbaik dalam Islam. Antara perkara utama yang wajar difahami dalam pelaksanaan pengurusan Islam adalah konsep amar makruf (menyuruh kepada kebaikan) dan nahi mungkar (mencegah kemungkaran) sebagaimana firman Allah Taala dalam surah Ali Imran ayat 110 yang bermaksud: Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).

Konsep ini menjadi teras utama dalam pelaksanaan hisbah dalam Islam. Pengurusan Hal Ehwal Islam (PHEI) di Malaysia telah dipertanggungjawabkan kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Malah kedua-dua institusi tersebut dilihat memainkan peranan yang besar pada aspek keagamaan dalam pelaksanaan konsep amar makruf nahi mungkar yang menjadi asas kepada pengamalan hisbah (Azrin 2015). manakala Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah diberikan beberapa tanggungjawab penting antaranya adalah untuk menyelaras Pengurusan Hal Ehwal Islam (PHEI) dan menjadi agensi utama selain MAIN serta JAIN dalam melaksanakan pensijilan halal di Malaysia. Pelbagai bahagian atau unit yang ditubuhkan di bawah MAIN dan JAIN dalam usaha melicinkan dan memantapkan lagi aspek pengurusan Islam negeri antaranya adalah bahagian atau unit pengurusan halal. Manakala di negeri Selangor pengurusan halal berada di bawah tanggungjawab Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang merupakan pelaksana dasar PHEI negeri. Seterusnya bagi melancarkan lagi pengurusan halal negeri maka JAIS telah menubuhkan satu bahagian khusus berkaitan halal iaitu Bahagian Pengurusan Halal (BPH). Oleh itu, kajian ini cuba untuk melihat apakah cabaran atau masalah yang terpaksa dihadapi oleh pihak BPH pada aspek pelaksanaan hisbah dari sudut penguatkuasaan halal di negeri Selangor.

Pengertian Hisbah

Hisbah berasal dari kata dasarnya iaitu *hasaba*. Hisbah berasal daripada lafaz حسْب (hasaba) yang membawa kepada beberapa makna, antaranya ialah membilang, mengira, menimbang atau menghitung (Auni 2000 & Muhammad Idris 2008). Manakala *al-Mu'jam al-Wasiṭ* (1972) menyatakan bahawa hisbah adalah suatu kedudukan atau jawatankuasa yang ditetapkan oleh pemerintah untuk memantau atau mengawal naik turun harga barang dan akhlak dalam masyarakat. Secara umumnya jelas dari sudut bahasa lafaz hisbah boleh dinterpretasi atau difahami sebagai suatu gerak kerja berkaitan hisab, kira-kira, menilai, menghitung, mengawasi dan urus tadbir yang baik dalam sesuatu urusan.

Manakala pengertian hisbah pada istilah secara umumnya menurut pandangan al-Ghazali (1939) al-Mawardi (2006) dan Mubarak (1967) adalah satu tindakan atau perbuatan menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran sesuai dengan tuntutan syariat Islam itu sendiri. Jelasnya pelaksanaan hisbah adalah berteraskan kepada pemahaman dan pengamalan konsep amar makruf dan nahi mungkar yang merangkumi hak Allah Taala, individu dan masyarakat dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Menurut Mohd Miqdad Aswad et al. (2016: 67) penguatkuasaan amar makruf dan nahi mungkar ini meliputi semua kegiatan manusia termasuk dalam politik, ekonomi dan sosial dan ianya demi menjamin kemaslahatan masyarakat sekali gus menolak segala kerosakan. Secara asasnya terdapat empat rukun utama pelaksanaan hisbah iaitu *muhtasib* (penguatkuasa), *muhtasab fih* (perkara yang dihisbah), *muhtasab 'alaikh* (mereka yang dikenakan hisbah) dan *Ihtisab* (penguatkuasaan) (Zaydan 2000; al-Ghazali 1939).

Bidang Kuasa Hisbah

Pelaksanaan hisbah merangkumi pelbagai aspek dalam kehidupan masyarakat masa kini, sama ada pada aspek rohani mahu pun jasmani. Ianya bersifat menyeluruh dan tidak hanya tertumpu kepada beberapa aspek semata-mata. Pelaksanaannya amat luas di mana pengamalannya meliputi aspek kepentingan masyarakat, agama, ekonomi, sosial dan politik (Zaydan 2010; Auni 2000; Abu Khalil 2010; Auni 2014). Jelasnya pelaksanaan hisbah merupakan satu cara khusus penguatkuasaan dan pemantauan yang merangkumi segala aspek amar makruf (mengajak kepada kebaikan) dan nahi mungkar (mencegah kemungkaran) al-Mawardi (2006) dalam karyanya *al-Aḥkam al-Sultaniyyah* menjelaskan bahawa tugas muhtasib (penguatkuasa hisbah) itu merangkumi hak Allah Taala, hak manusia dan hak-hak bersama. Malah dalam karyanya juga turut terkandung bidang kuasa *muhtasib* yang meliputi aspek akhlak, timbangan, kesihatan, perubatan, bangunan dan jalan raya serta yang berkaitan dengan urusan agama. Oleh itu, penguatkuasaan halal juga turut dikira salah satu bentuk pelaksanaan hisbah yang berteraskan konsep amar makruf nahi mungkar yang amat berkait rapat dengan aspek pengurusan penyediaan makanan, ubat-ubatan dan seumpamanya yang dijamin halal dan patuh syariah. Kewujudan pemantauan dan penguatkuasaan oleh pegawai penguatkuasa (*muhtasib*) yang dilantik oleh kerajaan jelas menunjukkan kebertanggungjawaban pihak pemerintah atau pihak berkuasa dalam memenuhi dan menjaga kemaslahatan masyarakat Islam sesuai dengan kehendak maqasid syariah yang telah ditetapkan dalam Islam.

Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

Secara umumnya penubuhan Bahagian Pengurusan Halal (BPH) ini adalah bertitik tolak daripada penubuhan Unit Halal yang merupakan salah satu unit yang berada di bawah Bahagian Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) JAIS yang mana unit terbabit bertindak menguruskan segala urusan pensijilan halal di negeri Selangor. Pada asasnya Bahagian Pembangunan dan Penyelidikan JAIS bertanggungjawab menyekat atau membendung mana-mana fahaman yang bertentangan dengan kefahaman Akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah, menjalankan kajian isu semasa berkaitan agama Islam dan menjelaskan sebarang masalah berhubung ajaran Islam di Selangor Darul Ehsan.

Secara tidak langsung, bahagian ini bertanggungjawab dalam perkara-perkara yang berkaitan penyelewengan bahan-bahan penerbitan dan produk-produk komersil yang berunsurkan Islam serta pengeluaran sijil dan logo halal bagi premis makanan, kilang-kilang dan pusat sembelihan. Tanggungjawab dan perkembangan Bahagian ini semakin bertambah penting dengan lonjakan ke hadapan Unit Halal melalui pelaksanaan sistem online e-halal yang bermula pada 1 Januari 2012. Permohonan untuk pensijilan halal telah meningkat hampir dua (2) kali ganda dari tahun 2012 seterusnya sehingga JAIS mengambil inisiatif untuk menubuhkan satu bahagian sendiri bagi pengurusan halal di Negeri Selangor. Justeru, bermula pada 1 Ogos 2015 Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah meluluskan pengwujudan Bahagian Pengurusan Halal (BPH), JAIS dan pengasingan secara rasmi dari Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, JAIS (Jabatan Agama Islam Selangor 2018).

BPH mempunyai visinya yang tersendiri iaitu "Bertekad penuh komited kearah Halal Global", manakala misi bahagian tersebut adalah menjadi bahagian yang memartabatkan hal ehwal pengurusan halal yang berkualiti. Objektif BPH juga adalah untuk memastikan Pensijilan Halal dapat dilaksanakan dengan teratur sejajar dengan peraturan skim-skim yang sedang berkuatkuasa pada masa ini. Berikut ialah fungsi utama BPH (Jabatan Agama Islam Selangor 2018), iaitu:

1. Mengurus Hal ehwal Pengurusan Halal dalam Negeri Selangor.
2. Mengurus proses pengeluaran dan pematuhan kelulusan Pensijilan dan Pengesahan Halal.
3. Mengurus Program Latihan dan Pembangunan untuk kakitangan dan pelanggan bahagian Pengurusan Halal.
4. Mengurus proses pengeluaran dan pemantauan pemegang kad tauliah sembelihan.
5. Mengurus pengauditan dan pemantauan Pensijilan Halal.
6. Melaksanakan kursus penyembelihan.

Bahagian Pengurusan halal JAIS terdiri daripada beberapa pecahan unit atau seksyen yang bertindak menguruskan hal ehwal pengurusan halal di Selangor, iaitu Seksyen Aduan Dan Siasatan, Seksyen Audit Pemantauan dan Seksyen Pengesahan Semakan. Pelaksanaan hisbah dari aspek boleh dilihat secara khususnya dilaksanakan oleh Seksyen Aduan dan Siasatan, dan Seksyen Audit Pemantauan yang bertindak memantau dan menguatkuasakan undang-undang atau sebarang peruntukan yang terkandung dalam Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 dan akta-akta lain yang berkaitan.

Pemantauan dan penguatkuasaan ini dilakukan adalah supaya tidak berlakunya salah laku atau pelanggaran undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan berkaitan halal. Penguatkuasaan ini jika diteliti amat berkait rapat dengan pelaksanaan hisbah, namun ianya hanya tertumpu atau terhad kepada aspek pengurusan halal semata-mata. Walau bagaimana pun, pemeriksaan, pemantauan dan penguatkuasaan adalah terikat dengan undang-undang berkaitan yang diamalkan dan dikuatkuasakan di Malaysia sepetimana berikut (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2014: 52) :

1. Akta Perihal Dagangan 2011;
2. Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia;
3. Akta Makanan 1983 (Akta 281), Peraturan-peraturan Makanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009;
4. Animal Rules 1962 Akta Binatang 1953 (Semakan 2006), Peraturan Haiwan 1962, Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaan) 1993 dan Akta Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Pembubaran), 1983;
5. Akta Kastam 1967 (Larangan Mengenai Import 1998);
6. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Undang- undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
7. Akta/ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri; dan
8. Akta Cap Dagangan 1976.

Cabarani Pelaksanaan Hisbah Bahagian Pengurusan Halal (BPH)

Terdapat beberapa isu yang timbul berkaitan pelaksanaan halal di Malaysia umumnya dan negeri Selangor khususnya. Malah Ahmad Hidayat dan Zulzaidi (2012) turut menjelaskan wujud beberapa isu dan cabaran berkaitan pensijilan halal di Malaysia terutamanya berhubung peruntukan undang-undang dan penyelarasannya. Oleh itu, berdasarkan hasil temubual telah yang dijalankan bersama pegawai dari Bahagian Pengurusan Halal (BPH) JAIS, maka secara umumnya dapat dirumuskan bahawa terdapat lima cabaran BPH dalam melaksanakan hisbah pada aspek hal ehwal pengurusan halal di negeri Selangor Darul Ehsan. Kelima-lima bentuk cabaran tersebut adalah seperti mana permerihalan di bawah.

Bidang Kuasa

Abdul Haziq Izzat (2016) menjelaskan bahawa peruntukan yang ada dalam Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 masih lagi longgar dan tidak menyeluruh serta wajar diperkemaskan lagi untuk memantapkan lagi pelaksanaan hisbah pada aspek halal. Ini kerana mereka yang sentiasa memohon untuk mendapatkan pensijilan halal adalah terdiri daripada kalangan Non Muslim, manakala peruntukan yang terkandung dalam Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 adalah terhad kepada masyarakat Islam sahaja sebagaimana yang tertulis dalam Bahagian V, Kesalahan Pelbagai: Mana-mana orang yang mempamerkan, pada mana-mana makanan atau minuman yang tidak halal, apa-apa tanda yang menunjukkan bahawa makanan atau minuman itu adalah halal adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak

melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya (Jenayah Syariah (Selangor) 1995, Seksyen 38. Penyalahgunaan tanda halal).

Malah sehingga kini tidak ada pihak yang pernah didakwa dibawah peruntukan tersebut di samping kadar denda yang diberikan juga adalah terlampau rendah berbanding nilai denda yang telah ditetapkan. Oleh itu, menurut Norakmal (2016) pihak PBH menjalankan tugas penguatkuasaan halal dengan merujuk kepada Akta Perihal Dagangan 2011 yang diguna pakai oleh pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dalam menguatkuasakan undang-undang berkaitan halal yang disifatkan lebih menyeluruh berbanding akta berkaitan halal yang terkandung dalam Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995. Walaubagaimanapun penguatkuasaan hanya berdasarkan apa yang telah termaktub di dalam Akta Perihal Perdagangan 2011 tersebut hanyalah terhad kepada aspek penguatkuasaan halal semata-mata.

Sumber Manusia

Kekurangan kakitangan juga turut memberikan bebanan dan cabaran kepada pihak BPH untuk melaksanakan penguatkuasaan halal yang lebih mantap (Abdul Haziq Izzat, Norakmal & Sa'diyah 2016). Malah ketiadaan pegawai halal di Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) juga turut memberikan kesan yang besar kepada pelaksanaan hisbah BPH, ini kerana BPH dipertanggungjawabkan untuk memantau aspek pematuhan dan pengurusan halal di seluruh jajahan negeri Selangor. Ini kerana menurut Abdul Haziq Izzat (2016) Seksyen Aduan dan Siasatan hanya mempunyai seramai empat orang kakitangan sahaja yang dipertanggungjawabkan untuk menjalankan penguatkuasaan halal di seluruh negeri Selangor. Jelasnya sumber manusia yang kurang memberikan kesan yang besar kepada proses pelaksanaan hisbah secara menyeluruh, berkesan dan berdaya maju. Ini kerana masalah kekurangan kakitangan badan pensijilan halal dilihat menjadi isu terhadap pelaksanaan halal yang mana sedikit sebanyak memberikan cabaran terhadap institusi halal yang sedia ada (Marliana et al. 2015). Malah beliau juga turut menjelaskan lagi bahawa secara keseluruhannya matlamat penguatkuasaan pihak BPH masih lagi tidak tercapai dengan sepenuhnya disebabkan wujudnya masalah kekurangan sumber manusia yang menjadi salah satu cabaran utama terhadap gerak kerja penguatkuasaan halal di Selangor.

Peralatan dan pengangkutan

Antara aspek yang menjadi cabaran besar kepada pihak BPH dalam melaksanakan tugas mereka adalah wujudnya masalah kekurangan peralatan dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan halal (Abdul Haziq Izzat 2016). Antaranya adalah masalah kekurangan kenderaan yang akan digunakan untuk proses pemantauan dan penguatkuasaan (Norakmal 2016). Masalah tersebut seringkali menjadi cabaran kepada pihak penguatkuasa BPH dalam menjalankan tugas dengan lebih lancar dan efektif (Abdul Haziq Izzat, Norakmal & Sa'diyah 2016).

Kepakaran

Faktor kekurangan tenaga pakar juga turut menjadi cabaran kepada BPH dalam melaksanakan tugas hispah pada aspek penguatkuasaan halal. Abdul Haziq Izzat (2016) menjelaskan bahawa

kekurangan atau ketiadaan golongan yang pakar berhubung undang-undang khususnya halal dalam BPH sedikit sebanyak memberikan faktor negatif ke arah pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang halal yang berkesan. Malah pegawai yang mempunyai kepakaran dilihat amat memberi kesan yang signifikan kepada pelaksanaan hisbah BPH khususnya dalam pelbagai aspek seperti persediaan dan pelaksanaan (*Standard Operating Procedures*) SOP yang betul ketika menjalankan tugas yang diberikan (Sa'diyah 2016). Di samping itu, pertukaran dan penyelarasian kakitangan dalam jabatan kadang kala memberikan cabaran yang tersendiri kepada pihak BPH khususnya pada aspek kemahiran, pengalaman dan sumber tenaga. Ini kerana pegawai penguatkuasa halal yang berkualiti dan berkredibiliti adalah mereka yang mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam berkaitan undang-undang halal yang dikuatkuasakan. Oleh itu, Abdul Haziq Izzat dan Norakmal (2016) merasakan kewujudan Pegawai Gred L yang berpengetahuan dalam bidang undang-undang dilihat begitu penting dan signifikan kepada BPH khususnya bagi Unit Penguatkuasaan BPH dan umumnya bagi memantapkan lagi gerak kerja BPH itu sendiri.

Kewangan

Masalah kekurangan sumber kewangan juga turut menimbulkan masalah dan cabaran kepada kelancaran proses pelaksanaan hisbah BPH (Abdul Haziq Izzat & Norakmal 2016). Ini kerana sumber kewangan yang kukuh dapat memperkuatkan lagi gerak kerja penguatkuasaan halal yang dijalankan khususnya pada aspek penambahan peralatan, penambahbaikan, pengangkutan dan sebagainya terutamanya pada mana-mana aspek yang amat memerlukan sumber kewangan.

Cadangan

Justeru itu, di sini dinyatakan beberapa cadangan dan saranan ke arah penambahbaikkan gerak kerja BPH dalam melaksanakan hisbah Pengurusan Hal Ehwal Islam (PHEI) di Selangor dalam lapangan pengurusan halal berdasarkan bentuk cabaran dan masalah yang dihadapi oleh Bahagian Pengurusan Halal JAIS, antaranya ialah:

1. Setiap pihak bertanggungjawab perlu membantu dan bekerjasama bagi memperkuatkukan lagi institusi halal yang sedia ada di Selangor khususnya dan Malaysia secara umumnya.
2. Bidangkuasa sedia ada perlu sentiasa diteliti dan diperkemaskan lagi bagi memantapkan lagi bahagian pengurusan halal khususnya peruntukan yang terkandung dalam Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 dan negeri-negeri di Malaysia secara umumnya.
3. Sumber manusia dan kewangan dilihat amat penting dalam mewujudkan proses pelaksanaan hisbah BPH yang berkesan dan mapan. Ini kerana kedua-dua sumber tersebut dilihat menjadi asas penting kepada kelincinan gerak kerja berhubung Hal ehwal Pengurusan Halal dalam Negeri Selangor.
4. Kepakaran kakitangan, penyediaan peralatan dan kenderaan yang mencukupi juga amat penting dalam mewujudkan amalan pemantauan dan penguatkuasaan halal yang berkesan khususnya dalam mewujudkan pelaksanaan hisbah yang dinamik dan efektif di negeri Selangor Darul Ehsan.
5. Kajian berterusan berkaitan pengurusan halal diteruskan dan diperkembangkan dalam usaha merealisasikan misi dan fungsi Bahagian Pengurusan Halal JAIS yang ditetapkan.

Kesimpulan

Hisbah merupakan satu praktikal kehidupan secara individu atau bermasyarakat yang berasaskan konsep amar makruf dan nahi mungkar. Pelaksanaannya merangkumi pelbagai aspek dalam kehidupan manusia khususnya ekonomi dan sosial bagi menjamin kemaslahatan bersama dan individu. Penubuhan Bahagian Pengurusan Halal (BPH) JAIS dilihat salah satu cara pelaksanaan hisbah yang tertumpu kepada aspek hal ehwal pengurusan halal di negeri Selangor. Walau bagaimana pun, pelaksanaan hisbah BPH ini terpaksa berhadapan dengan beberapa masalah yang timbul samada berbentuk dalaman mahu pun luaran yang akhirnya menjadi cabaran kepada bahagian tersebut untuk terus berfungsi secara berkesan dan terkehadapan. Oleh itu, sewajarnya pihak yang berkaitan dapat bersama-sama membantu dan memperkasakan lagi fungsi BPH bagi memenuhi matlamat penubuhannya di negeri Selangor.

Rujukan

- Abdul Haziq Izzat Abdul Wahid. 2016. Kajian pelaksanaan dan cabaran hisbah Pengurusan Hal Ehwal Islam (PHEI) MAIS dan JAIS di negeri Selangor Darul Ehsan, Shah Alam. Temu bual, 10 Februari.
- Abu Khalil, Syauqi. 2010. *al-Ḥadārah al-‘Arabiyyah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu‘aşir.
- Ahmad Hidayat Buang & Zulzaidi Mahmod. 2012. Isu dan cabaran badan pensijilan halal di Malaysia. *Jurnal Syariah* 20(3): 271-288.
- Auni Abdullah. 2000. *Hisbah dan Pentadbiran Negara*. Kuala Lumpur: IKDAS Sdn. Bhd.
- Auni Abdullah. 2014. *Dinamika Pengurusan Islam: Pencetus Kegemilangan Tamadun*. Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YaPEIM.
- Azrin Ibrahim. 2015. Kepentingan hisbah dan amalannya di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 11: 26-39.
- Dewan Undangan Negeri Selangor. 1955. Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 (En. 9/95).
- al-Ghazali, Abi Ḥamid Muhammad. 1939. *Ihya’ ‘Ulum al-Din*. Jil. 2. Miṣr: Shirkah Maktabah wa Matba‘at al-Babi al-Halabi wa Awladihi.
- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). 2018. <http://www.jais.gov.my/artikel/pengurusan-halal> [30 Disember].
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2014. Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Semakan Ketiga). Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Marliana Abdullah, Syaripah Nazirah Syed Ager, Nor ‘Adha Abdul Hamid, Norazla Abdul Wahab, Wawarah Saidpudin, Surianom Miskam, Farah Mohd Shahwahid & Norziah Othman. 2015. War 10 isu dan cabaran pensijilan halal: Satu kajian perbandingan antara Malaysia dan Thailand. Proceedings of the *World Academic and Research Congress 2015 (World-AR 2015)*, 92-110.
- al-Mawardi. 2006. *al-Ahkam al-Sultaniyyah*. al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Mohd Miqdad Aswad Ahmad, Zanirah Mustafa@Busu & Badriah Nordin. 2016. Pemerkasaan masjid melalui sistem hisbah. *UiTMT E-Academia Journal* 5(2): 66-72.
- al-Mu‘jam al-Wasit*. 1972. al-Qāhirah: t.pt.
- Mubarak, Muhammad ‘Abd al-Qadir. 1967. *Daulah wa Nizam Hisbah ‘ind Ibn Taimiyah*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Muhammad Idris Abdul Raof al-Marbawi. 2008. *Kamus Idris al-Marbawi: Arab-Melayu*. t.tp: Dar al-Fikr.
- Norakmal Mohamad. 2016. Kajian pelaksanaan dan cabaran hisbah Pengurusan Hal Ehwal Islam (PHEI) MAIS dan JAIS di negeri Selangor Darul Ehsan. Shah Alam. Temu bual, 10 Februari.
- Sa’diyyah Mohd Nun Chanifah. 2016. Kajian pelaksanaan dan cabaran hisbah Pengurusan Hal Ehwal Islam (PHEI) MAIS dan JAIS di negeri Selangor Darul Ehsan, Shah Alam. Temu bual, 10 Februari.
- Zaydan, ‘Abd al-Karim. 2010. *Uṣūl al-Da’wah*. Beirut: Muassasah al-Risalah Nashirun.
- Zaydan, ‘Abd al-Karim. 2011. *Nīzam al-Qadha’ fi al-Shari‘ah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah Nashirun.